

Dr Mahathir akui minta Salleh letak jawatan

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau menelefon bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas pada 1988 dan memintanya meletak jawatan untuk mengelakkan skandal dalam badan kehakiman.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau menawarkan jawatan dalam Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi kepada Salleh yang pada mulanya bersetuju untuk melapaskan jawatan berkenaan.

Katanya, beberapa hari kemudian Salleh memaklumkan kepadanya bahawa beliau enggan meletak jawatan tanpa memberi sebarang alasan.

"Saya memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong (untuk memecat Salleh) dan baginda memberitahu saya, terpulang kepada saya untuk mengambil tindakan.

"Saya tiada kuasa (untuk memecat Salleh) dan kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang perlu untuk mengelakkan masalah," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang dilantik sebagai Yang Dipertua Perkim Kebangsaan turut menyampaikan bantuan RM100 seorang kepada 40 saudara baru dari sekitar Lembah Klang.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir tidak menjelaskan punca beliau meminta Salleh meletak jawatan.

Salleh dipecat pada 1988 kerana salah laku berdasarkan cadangan daripada tribunal kehakiman yang ditubuhkan Yang di-Pertuan Agong.

Dua lagi hakim yang dipecat bersama beliau ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk George Seah dan

Datuk Wan Sulaiman Pawanteh.

Salleh bulan lalu menggesa semua undang-undang yang digubal selepas krisis kehakiman 1988 harus dipinda bagi mengembalikan kewibawaan badan kehakiman serta keyakinan rakyat terhadap institusi itu.

Sementara itu, Salleh dalam satu kenyataan malam tadi berkata, sebarang fakta baru yang diperlukan untuk menyemak semula kes pemecatannya dan dua hakim kanan lain, wajar dikemukakan kepada sebuah tribunal atau suruhanjaya yang ditubuhkan untuk menyasiat perkara itu.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz yang bersetuju kes pemecatan itu disemak semula hanya jika fakta 'baru dan penting' muncul.

"Ia seolah-olah beliau tidak bersetuju untuk menyemak semula kes itu kerana keputusan dua tribunal, iaitu tribunal pertama yang membuat keputusan terhadap saya dan tribunal kedua yang membuat keputusan terhadap lima lagi rakan saya yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan pada 1988," katanya.

"Saya tiada kuasa untuk memecat Salleh dan kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang perlu untuk mengelakkan masalah"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri